

# PENILAIAN TERHADAP DOMAIN PEMANTAUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN JABATAN PENGAJIAN AM POLITEKNIK UNGKU OMAR

Natrah binti Yaacob<sup>1</sup> dan Chang Yoot Ming<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak

<sup>1</sup>natrah@puo.edu.my

<sup>2</sup>ymchang@puo.edu.my

---

## ARTICLE INFO

### Article history:

Received

20 July 2023

Received in revised form

25 July 2023

Accepted

30 July 2023

Published online

31 July 2023

### Kata Kunci:

penilaian, domain,  
pengajaran dan  
pembelajaran (PdP).

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengukuran tahap kompetensi pemantauan pengajaran dan pembelajaran Jabatan Pengajian Am untuk pengajian Diploma dan ijazah Sarjana Muda. Kajian tinjauan ini melibatkan 40 orang responden pensyarah kursus mata pelajaran umum seperti Bahasa Inggeris, Pengajian Islam, Pendidikan Moral dan lain-lain. Pemantauan ini melibatkan 16 kursus yang ditawarkan kepada semua pelajar. Objektif kajian menilai domain-domain yang terdapat dalam garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik Kolej Komuniti 2019. Daripada dapatan kajian, maka didapati pemantauan PdP pensyarah yang dilakukan oleh pensyarah pemantau dan pelajar tiada perbezaan markah yang besar jika dibandingkan antara keduanya. Ini menjelaskan terdapatnya kesamaan dari sudut pandangan antara pensyarah pemantau dan juga pelajar terhadap proses PdP yang telah dilaksanakan oleh pensyarah di Jabatan Pengajian Am Politeknik Ungku Omar. Dengan melihat kepada purata markah skor pemantau 94.5 dan skor pelajar 92.55 yang telah diberikan, pengukuran tahap kompetensi pensyarah terhadap PdP berada dalam keadaan baik dan cemerlang. Impak kajian ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran para pensyarah untuk mengembangkan strategi pengajaran yang lebih aktif bersesuaian dengan keperluan pelajar pada masa kini. Bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran, analisis keberkesanan kaedah pengajaran, penilaian kandungan pembelajaran serta penilaian penggunaan teknologi dalam pembelajaran antara cadangan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pengajaran dan pembelajaran berlaku, serta mengenal pasti bidang di mana penambahbaikan boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan.*

---

## 1. PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti pendidikan yang berterusan dan efektif bagi memenuhi keperluan semasa dan masa depan negara. Pemantauan pengajaran dan pembelajaran, sebagai komponen penting dalam pelan ini, merangkumi proses mengumpul data dan maklum balas yang berkaitan untuk menilai kesan serta keberkesanannya proses pembelajaran dan pengajaran dalam persekitaran pendidikan.

Pemantauan ini bertujuan untuk melacak dan menilai pencapaian pelajar, memberi penekanan kepada penyempurnaan pengajaran dan pembelajaran, serta memberikan maklum balas kepada pensyarah dan pihak pengurusan. Dalam konteks pelan pembangunan pendidikan Malaysia, pemantauan ini menjadi penting kerana ia membantu menilai sejauh mana objektif pendidikan negara telah dicapai.

Melalui proses ini, pemantauan pengajaran dan pembelajaran dapat mengenal pasti titik kekuatan dan kelemahan dalam pendekatan pembelajaran yang diamalkan. Dengan menilai data dan maklum balas yang diperoleh, pensyarah dapat mengambil tindakan yang sesuai untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi pelajar. Ini sejajar dengan matlamat pelan pembangunan pendidikan yang bertujuan untuk memberikan pendidikan yang berkualiti tinggi kepada setiap pelajar.

Dalam mengaitkan pemantauan pengajaran dan pembelajaran dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dapat dilihat bahawa pemantauan ini membantu menjamin pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan sejajar dengan aspirasi pelan tersebut. Selain itu, ia juga membantu pihak pengurusan dan pembuat dasar untuk membuat penyesuaian yang diperlukan berdasarkan maklum balas dan data yang diperoleh, memastikan perkembangan pendidikan yang berterusan dan selari dengan keperluan semasa dan masa depan.

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Pendidik adalah tugas yang sangat mulia. Pemantauan pengajaran dan pembelajaran guru atau pendidik merupakan satu faktor utama dalam sistem pendidikan, Hamid Darmadi (2015). Segelintir pendidik boleh menghasilkan pengajaran yang berkesan dan berkualiti setiap masa, Jasmi et.al (2012). Pendidik yang pandai mendidik akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala pendidik yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, Hamdan et. al (2022), malah ianya akan menyebabkan pengajaran pensyarah tersebut membosankan dan seterusnya akan memberi kesan negatif kepada tumpuan pelajar dalam pelajarannya dan minatnya terhadap pelajaran tersebut dan ini juga menyebabkan pelajar-pelajar tidak mahu untuk hadir ke kelas, Marzuki (2005). Tamuri et. al (2015) mencadangkan pendidik bebas menggunakan kaedah yang bersesuaian bagi PdP kerana tiada kaedah yang dikatakan terbaik atau lebih sesuai untuk sesuatu mata pelajaran atau modul sahaja.

Justeru, pengkaji berminat untuk mengkaji pengukuran tahap kompetensi pemantauan pengajaran dan pembelajaran Jabatan Pengajian Am Politeknik Ungku Omar selepas

pandemik COVID 19. Ini kerana tahun 2023 merupakan tahun pertama pelaksanaan pemantauan PdP secara bersemuka selepas pelaksanaan atas talian.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Mengukur tahap kompetensi para pensyarah berkaitan dengan lima (5) domain berkenaan :

- i. Perancangan pembelajaran & pengajaran
- ii. Instruksional
- iii. Kompetensi dan profesionalisme pensyarah
- iv. Pengurusan kelas
- v. PPSMTI (Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Bahasa Inggeris).

### 4. SKOP KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengukuran tahap kompetensi pemantauan pengajaran dan pembelajaran Jabatan Pengajian Am untuk pengajian Diploma dan ijazah Sarjana Muda. Kajian tinjauan ini melibatkan 40 orang responden pensyarah kursus mata pelajaran umum seperti Bahasa Inggeris, Pengajian Islam, Pendidikan Moral dan lain-lain. Pemantauan ini melibatkan 16 kursus yang ditawarkan kepada semua pelajar.

### 5. KAJIAN LITERATUR

Menurut Musalifah (2013), amalan PdP yang berkualiti perlu kepada pemantauan pengajaran dan pembelajaran supaya memberi impak yang berkesan kepada pelajar dan guru itu sendiri. Justeru usaha yang dilakukan oleh guru bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas akan dapat membangkitkan semangat dan motivasi pelajar untuk belajar dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka. Ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Ishak et al. (2013), di mana ia menyebutkan bahawa keupayaan pengajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan mengimplementasikan aspek penambahbaikan khususnya meningkatkan kualiti dalam PdP di institusi pendidikan adalah sangat penting. Tang dan Lim (2002) pula menekankan bahawa pelajar berhak untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan telah menjadi kewajipan institusi pendidikan untuk menjamin kualiti kursus dan program yang ditawarkan. Tang dan Lim (2002) juga menambah bahawa penilaian keberkesanan proses PdP oleh pelajar adalah pedekatan utama bagi mengukur kualiti proses PdP oleh pensyarah.

Manakala Abd. Ghani dan Mohd Arshad (2010) pula menyebutkan adalah penting untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pensyarah yang mengajarnya bagi menilai keberkesanan pengajaran pensyarah terhadap pembelajaran pelajar terbabit. Pengajaran yang berkesan bukan sahaja melibatkan penyampaian isi pembelajaran yang betul dan berkualiti, tetapi juga melibatkan interaksi positif antara pensyarah dan pelajar. Dengan mengetahui persepsi pelajar terhadap pensyarah, institusi pendidikan dapat mengukur sejauh mana keberkesanan pengajaran tersebut. Pelajar adalah penerima utama proses pembelajaran, jadi pendapat mereka tentang pengajaran pensyarah memberi pandangan penting mengenai keberkesanan pengajaran tersebut. Menilai persepsi pelajar terhadap pensyarah juga merupakan cara untuk

mengukur reaksi mereka terhadap cara pengajaran dan interaksi dengan pensyarah. Jika pelajar memberi maklum balas positif, ini mungkin mencerminkan pengajaran yang berkesan yang dapat merangsang minat dan pemahaman mereka terhadap subjek. Sebaliknya, maklum balas negatif mungkin menunjukkan masalah dalam pengajaran yang perlu diperbaiki. Secara keseluruhannya, mengetahui persepsi pelajar terhadap pensyarah adalah aspek penting dalam menilai keberkesan pengajaran pensyarah. Ini memberi pandangan yang penting tentang pengaruh pensyarah terhadap pembelajaran pelajar dan membantu institusi pendidikan dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mardhiah Johari dan Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid (2016), penyeliaan terhadap PdP dari semasa ke semasa penting sebagai satu rujukan kepada pengurusan kawalan dalam kualiti pengajaran guru. Penyeliaan PdP merujuk kepada proses pemantauan, penilaian, dan bimbingan yang dilakukan oleh penyelia atau pihak pengurusan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam konteks pendidikan. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah adalah berkualiti dan mencapai objektif pendidikan yang ditetapkan. Pentingnya penyeliaan berkala terhadap PdP adalah untuk memastikan bahawa pensyarah mengamalkan kaedah pengajaran yang berkesan, mematuhi garis panduan kurikulum, dan memenuhi standard prestasi yang telah ditetapkan oleh institusi pendidikan. Dengan penyeliaan yang berterusan, pensyarah diberi peluang untuk mengidentifikasi kelemahan dan melakukan peningkatan berterusan dalam pengajaran mereka. Ini juga membantu dalam memastikan keseragaman kualiti pengajaran di seluruh institusi pendidikan.

Maka garis panduan yang dibekalkan oleh pihak JPPKK amatlah bersesuaian untuk melaksanakan pemantauan PdP bukan sahaja penilaian dibuat daripada pihak pemantau yang dilantik tetapi pelajar juga tidak terkecuali untuk menilai pensyarah yang terlibat.

## 6. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penilaian PdP pensyarah yang dilaksanakan oleh pensyarah pemantau berdasarkan borang instrumen pemantauan pengajaran dan pembelajaran Politeknik Malaysia yang mempunyai skor markah untuk 5 domain utama seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

**Jadual 1: Domain pemantauan pensyarah**

Item	Perkara	Peratus
Domain 1	Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran	15%
Domain 2	Instruksional	50%
Domain 3	Kompetensi dan Profesionalisma Pensyarah	15%
Domain 4	Pengurusan dan Kawalan kelas	10%
Domain 5	Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam penyampaian PdP	10%

Sumber : Garis panduan pemantauan pembelajaran dan pengajaran politeknik dan kolej komuniti edisi 2019

Manakala penilaian PdP pensyarah oleh pelajar pula dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan sistem iPUO. Selepas pensyarah pemantau memasukkan markah, pelajar boleh membuat penilaian PdP terhadap pensyarah berkenaan. Semua pelajar dalam kelas berikut perlu melaksanakan penilaian PdP pensyarah berikut. Setiap pelajar perlu memberi maklumbalas berdasarkan 10 item soalan melibatkan penggunaan 4 kategori skor Skala Likert. Soalan yang berkaitan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 manakala skor Skala Likert pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.

### Jadual 2: Item aspek penilaian

Bil	Aspek yang dinilai
1	Saya telah diterangkan mengenai hasil pembelajaran.
2	Saya telah diterangkan mengenai course outline dengan jelas.
3	Pensyarah menyampaikan pengajaran dengan suara dan intonasi yang jelas.
4	Pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk bertanyakan soalan.
5	Pensyarah melaksanakan aktiviti yang boleh menarik minat pelajar.
6	Pensyarah memastikan suasana persekitaran kelas yang selamat, bersih dan teratur.
7	Bahan pengajaran membantu meningkatkan kefahaman pelajar.
8	Pensyarah sentiasa menampilkkan perwatakan positif yang boleh dicontohi.
9	Pensyarah menepati masa.
10	Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris yang mudah difahami. Catatan : Hanya melibatkan kursus yang menggunakan Bahasa Inggeris.

Sumber : Garis panduan pemantauan pembelajaran dan pengajaran politeknik dan kolej komuniti edisi 2019

### Jadual 3: Skala Likert

Skor	Pilihan
-	
1	Tidak setuju
2	Kurang setuju
3	Setuju
4	Sangat setuju

Sumber : Garis panduan pemantauan pembelajaran dan pengajaran politeknik dan kolej komuniti edisi 2019

Berikut jadual 4 hasil pemantauan PdP yang dilaksanakan oleh pensyarah pemantau.

**Jadual 4: Bilangan pensyarah yang memperolehi skor markah mengikut domain**

DOMAIN	JUMLAH SKOR MAKSIMA	BILANGAN PENSYARAH YANG MEMPEROLEHI PERATUSAN SKOR BAGI DOMAIN SEPERTI BERIKUT :						JUMLAH PEN-SYARAH DIPANTAU
		% 50>	% 59-50	% 69-60	% 79-70	% 89-80	% 100-90	
Domain 1 - Perancangan Pembelajaran & Pengajaran	15				2	3	35	40
Domain 2 - Instruksional	50						40	40
Domain 3 - Kompetensi & Profesionalisma Pensyarah	15						40	40
Domain 4 - Pengurusan dan Kawalan Kelas	10						40	40
Domain 5 - Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Penyampaian P&P	10						22	22

Berdasarkan kepada jadual analisa di atas, domain 1 mempunyai 3 item yang dapat menyokong aspek perancangan pembelajaran dan pengajaran PdP. eFRP disediakan dengan lengkap dan mengandungi semua rekod yang berkaitan seperti rekod kehadiran pelajar, rekod markah pelajar mengikut keperluan Prosedur Kualiti ISO dikemaskini dengan baik. Rancangan mengajar disediakan secara komprehensif bagi menunjukkan pencapaian CLO dibuat. Proses PdP kuliah didapati melibatkan pelbagai kaedah penyampaian, penggunaan ABM yang sesuai dan memenuhi keperluan kurikulum. Pensyarah juga didapati mampu menyediakan nilai tambah atau *Continual Quality Improvement CQI* pada catatan refleksi dalam rancangan mengajar. Domain 1 yang memperolehi markah 90-100% seramai 35 orang, 3 orang memperolehi markah antara 80-89% dan 2 orang mendapat markah antara 70-79%, komen yang diberikan oleh pemantau, terdapat pensyarah yang tidak mengemaskini eFRP sebelum pemantauan PdP dijalankan. Komen berikut 1 daripada 3 item berikut. Ini menunjukkan domain 1 masih lagi pada tahap yang baik.

Bagi domain 2 pelaksanaan OBE dalam PdP, Politeknik Ungku Omar telah mewajibkan sesi pemantauan dilaksanakan secara bersemuka selepas pandemik COVID 19. Bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 pemantauan dilaksanakan secara atas talian. Oleh sebab itu semua pensyarah bersedia dan berjaya mempraktikkan dasar, prinsip dan amalan PdP terkini dalam menyokong pembelajaran pelajar sama sebelum negara dilanda COVID 19. Pensyarah didapati melaksanakan penyampaian dengan mengambilkira kepelbagai pelajar di samping penggunaan strategi dan teknologi yang berkesan. Set induksi telah disediakan dengan baik dan pensyarah berjaya menarik perhatian pelajar agar menumpukan perhatian terhadap topik atau LLO yang hendak dibincangkan, (Tamuri 2015). Semasa proses penyampaian, pensyarah menyampaikan pengajaran secara 2 hala, pelajar terlibat secara aktif, pengajaran yang teratur dengan menggunakan *body language*, intonasi suara dan tulisan yang jelas akan melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif (Afandi et al. 2013).

Aplikasi Teknologi Maklumat memainkan peranan yang penting dalam PdP abad ke-21. Dalam konteks Malaysia, hal ini sejajar dengan visi dan tuntutan yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sehubungan dengan itu, para pensyarah telah berusaha menggunakan sumber pendidikan yang sesuai dan didapati berjaya menarik minat pelajar, yang mana akhirnya berjaya meneguhkan pembelajaran

mereka. Menurut John & Wheeler, 2008. teknologi pendidikan ialah gabungan manusia, peralatan, teknik dan peristiwa yang bertujuan untuk memberi kesan baik kepada pembelajaran. Semua pensyarah berjaya menerapkan unsur kreativiti dan inovasi dalam penggunaan teknologi bagi mencapai hasil pembelajaran pelajar. Usaha ini membantu berupaya menarik minat pelajar dan mengukuhkan pembelajaran. Menurut Musalifah, (2013) aktiviti PdP berasaskan OBE dikesan membawa kejayaan bersama pelajar. Majoriti pensyarah berjaya menerapkan aktiviti-aktiviti nilai tambah hasil pembelajaran pelajar dengan melaksanakan aktiviti pembelajaran.

Para pensyarah amat digalakkan melaksanakan penilaian formatif atau pengujian pada akhir sesi pembelajaran. Menurut (Hariatul Hafidzah et al.2021), strategi ini dibuat bagi memantau pencapaian pelajar sama ada pelajar boleh mengikuti kursus dengan baik, sederhana atau lemah. Daripada hasil itu, pensyarah akan dapat menilai pelajar, atau juga dapat menyediakan strategi lain bagi mengatasi masalah jika ada pelajar yang lemah dalam mengikuti kursus. Teknik penilaian adalah pelbagai dan aras pengujinya juga dipelbagaikan bagi menepati kesesuaian mencapai hasil pembelajaran tempoh berkenaan (Pusat Perkembangan Kurikulum KPM, 2001). Semua pensyarah menyediakan rumusan hasil pembelajaran setiap kali kuliah/ perbincangan dijalankan. Rumusan dihujung sesi pembelajaran membantu dan memperkuuhkan pencapaian LLO dan kesediaan untuk sesi PdP seterusnya. Bagi domain 3 kompetensi dan profesionalisme pensyarah. Seramai 40 orang pensyarah mencapai markah skor 90-100% sasaran penilaian kompetensi dan profesionalisme pensyarah. Pensyarah yang mempunyai nilai-nilai profesionalisme didapati menunjukkan bukti pematuhan etika kerja dan amalan nilai yang positif ke arah mewujudkan keyakinan dan kepercayaan pelajar. Para pensyarah didapati mampu memastikan elemen-elemen dalam teras pengajaran yang perlu bermatlamat pengajaran berkesan dan menarik, juga dapat memotivasi pelajar, serta menyediakan contoh-contoh sesuai dan relevan serta mampu mempamerkan penguasaan bagi menyediakan peluang meningkatkan pencapaian pelajar melalui pelbagai kaedah penyelesaian masalah. Hasil pembelajaran pelajar diperolehi dengan usaha bijak pensyarah mengaitkan isu semasa atau pengalaman pelajar itu sendiri serta menghormati harta intelek.

Semua pensyarah menunjukkan kesungguhan yang tinggi dalam memupuk keperibadian yang positif. Kesungguhan dan komitmen serta mampu menarik minat pelajar dengan melaksanakan kaedah/ teknik pembelajaran yang sesuai semasa mengendalikan proses P&P mereka. Menurut Rosmilawati (2006), pendidik yang bersifat mesra, fleksibel, penyabar, berminat terhadap pelajar dan boleh bergurau dengan pelajar adalah lebih berkesan berbanding pendidik yang kurang mempunyai sifat tersebut. Selain itu menurut (Ee Ah Meng 2001) komunikasi pensyarah yang berkesan mendorong pelajar memberi tumpuan dan idea yang baik dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Ini kerana, komunikasi yang baik akan memberi keselesaan kepada pelajar untuk bertanya jika pelajar tidak memahami sesuatu dalam pembelajarannya. Pandangan ini disokong oleh (Haslinda et.al 2017) bahawa interaksi secara bersemuka juga berjaya dibentuk dan ianya mampu membentuk rasa hormat yang tinggi sesama mereka, serta dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada pelajar.

Dapatan pada domain 4 iaitu pengurusan kelas menunjukkan 40 pensyarah telah mengurus persekitaran kelas yang kondusif dengan nilai mod skor 10 seramai 30 dan skor 9 seramai 10. Semua pensyarah dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif seterusnya berjaya meningkatkan kesediaan minat pembelajaran pelajar. Kebersihan dan keselamatan di bilik kuliah/perbincangan dijaga bersama. Susun atur kedudukan ruang kelas digunakan

secara optimum untuk tujuan pembelajaran. Kehadiran dan ketepatan masa pelajar dititikberatkan. Pelajar sentiasa diingatkan agar dapat menjaga tatasusila diri dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Menegur salah laku pelajar secara berhemah sekiranya berlaku. Pengurusan masa sangat dititik beratkan seperti memulakan dan menamatkan kuliah/amali tepat pada masanya. Menurut Hamdan et. al (2022) kepentingan keberkesanan proses PdP ini tidak dapat dinafikan dalam melahirkan pensyarah menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian supaya proses pembelajaran boleh berlaku dengan berkesan, teratur, jelas dan bersepadu. Semua pensyarah juga berjaya menyampaikan isi pengajaran dalam tempoh masa yang sesuai dan optimum. Kesimpulannya, keberkesanan proses PdP adalah penting dalam membentuk pensyarah yang berkualiti. Melalui penggunaan kaedah yang sesuai, pendekatan bersepadu, dan penekanan kepada pembelajaran aktif, proses pembentukan pensyarah dapat berlaku dengan lebih berkesan, menghasilkan individu yang berdaya saing dan bersedia untuk memberi sumbangan kepada dunia pendidikan dan masyarakat.

Dapatkan domain 5 pemerkasaan penggunaan Bahasa Inggeris dalam penyampaian PdP. Seramai 22 orang pensyarah memberi pengajaran menggunakan Bahasa Inggeris. Penilaian dan nota disediakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. Dalam memperkuuhkan pemerkasaan penggunaan Bahasa Inggeris dalam PdP, penting untuk menerapkan pendekatan yang menyeluruh. Ini termasuklah pengajaran yang menggabungkan bahasa dengan kandungan pengajaran, menggunakan pelbagai sumber media, dan mendorong interaksi berbahasa Inggeris antara pelajar. Dengan cara ini, pelajar dapat memperoleh kemahiran Bahasa Inggeris sambil memahami konsep pembelajaran secara lebih efektif.

Berikut jadual 5 bilangan pensyarah yang memperolehi skor markah dalam penilaian PdP oleh pelajar.

**Jadual 5: Bilangan pensyarah yang memperolehi skor markah dalam penilaian PdP oleh pelajar**

BILANGAN PENSYARAH YANG MEMPEROLEHI PERATUSAN SKOR MARKAH DALAM PENILAIAN PdP OLEH PELAJAR					JUMLAH
%59-50	%69-60	%79-70	%89-80	%100-90	
			2	38	40

Berdasarkan kepada Jadual 5, kesimpulan tentang penilaian pelajar terhadap prestasi pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Secara umumnya, terdapat 38 orang pelajar yang memberikan skor markah antara 90 hingga 100 peratus. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar berpuas hati dengan prestasi pensyarah dan memberikan penilaian yang tinggi terhadap cara pensyarah menjalankan PdP.

Selain itu, terdapat juga 2 orang pelajar yang memberikan skor markah dalam julat 89 hingga 90 peratus. Meskipun jumlah ini lebih kecil berbanding dengan kumpulan pertama, tetap menunjukkan bahawa terdapat beberapa pelajar yang memberikan penilaian positif walaupun sedikit di bawah kumpulan utama.

Kesimpulannya, berdasarkan data dalam Jadual 5, kebanyakan pelajar memberikan penilaian yang baik terhadap prestasi pensyarah dalam PdP, dengan majoriti pelajar memberikan skor markah tinggi antara 90 hingga 100 peratus. Ini mencerminkan usaha pensyarah dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

Berikut jadual 6 perbandingan purata skor markah antara pemantau dan pelajar.

**Jadual 6: Perbandingan purata skor markah antara pemantau dan pelajar**

PERKARA	SKOR MARKAH		
	TERENDAH	PURATA	TERTINGGI
SKOR PEMANTAU	90	94.5	99
SKOR PELAJAR	85.76	92.55	99.34

Jadual 6 menunjukkan perbandingan skor markah antara pemantau dan pelajar. Pemantau telah mencapai skor markah sebanyak 94.5%, manakala pelajar mendapat skor markah sebanyak 92.55%. Perbezaan dalam skor markah ini memberi gambaran tentang prestasi relatif di antara kedua-dua kumpulan. Pemantau telah mencatatkan skor markah yang lebih tinggi iaitu 94.5%, menunjukkan pencapaian yang baik dalam penilaian. Ini mungkin menunjukkan kecekapan dan pemahaman yang mendalam mengenai kursus tersebut. Sementara itu, pelajar memperoleh skor markah 92.55%, yang masih merupakan pencapaian yang baik, walaupun sedikit lebih rendah berbanding pemantau. Ini mungkin menunjukkan usaha yang diberikan oleh pelajar dalam memahami dan menjawab soalan atau tugas yang diberikan. Secara keseluruhannya, jadual ini memberikan gambaran tentang prestasi pemantau dan pelajar dari segi skor markah. Walaupun pemantau memperoleh skor yang lebih tinggi, kedua-dua pihak masih menunjukkan usaha yang baik dalam mencapai keputusan yang memuaskan.

## 7. KESIMPULAN

Kesimpulannya ialah prestasi pensyarah dalam proses PdP adalah sangat baik, dengan majoriti pelajar memberikan penilaian yang tinggi terhadap cara pensyarah menjalankan PdP. Pemantau juga memberikan penilaian yang sangat positif, menunjukkan prestasi yang hampir sempurna. Ini membuktikan usaha pensyarah dalam memberikan pengajaran yang berkualiti dan berkesan kepada pelajar. Impak daripada penilaian ini adalah peningkatan dalam kualiti PdP. Penilaian yang baik dari pelajar dan pemantau menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pendekatan pensyarah berjaya menyampaikan maklumat dengan berkesan dan memberikan pengalaman pembelajaran yang positif kepada pelajar.

Bagi mengekalkan proses pemantauan bagi kualiti PdP, terdapat beberapa cadangan yang boleh diambil kira antaranya penilaian berkala iaitu melakukan penilaian berkala oleh pemantau dan pelajar untuk terus mengukur kualiti PdP. Ini membantu memastikan tahap prestasi yang tinggi dikekalkan dan memberi peluang untuk membuat penyesuaian jika perlu. Kedua, latihan dan pembangunan iaitu menawarkan program latihan dan pembangunan kepada pensyarah untuk memperkuatkan kemahiran pengajaran mereka. Penggunaan teknik

pengajaran terkini dan inovatif akan membantu meningkatkan efektiviti dalam PdP. Ketiga, kerjasama dan perbincangan iaitu mewujudkan platform perbincangan antara pensyarah, pelajar dan pemantau untuk berkongsi pandangan dan cadangan bagi penambahbaikan. Ini membina persekitaran terbuka untuk perbincangan tentang kualiti PdP. Kempat, membuat kajian kes khusus seperti mengenal pasti kajian kes khusus untuk menyiasat aspek tertentu dalam PdP yang mungkin memerlukan peningkatan. Ini membolehkan tindakan spesifik diambil untuk mengatasi isu-isu tersebut. Kelima, penilaian kendiri oleh pensyarah mendorong pensyarah untuk melaksanakan penilaian kendiri terhadap prestasi mereka dalam PdP. Ini membantu mereka mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka sendiri untuk penambahbaikan berterusan dan keenam perkongsian pengalaman. Bagi mewujudkan platform perkongsian pengalaman antara pensyarah yang berbeza bagi saling berkongsi pendekatan terbaik dalam PdP. Dengan mengamalkan cadangan ini, pensyarah dapat terus menjaga dan meningkatkan kualiti PdP mereka, menjadikan pengalaman pembelajaran pelajar lebih baik dan memberi kesan positif terhadap perkembangan mereka dalam pelbagai bidang.

## RUJUKAN

Garis panduan pemantauan pembelajaran dan pengajaran politeknik dan kolej komuniti edisi 2019 Hamidi Darmadi, 2015 Tugas dan tanggungjawab guru, Edukasi Jurnal Pendidikan <https://journal.ikippriptk.ac.id/index.php/edukasi/article/view/113> Dipetik pada : 25 Jun 2023

Musalifah Mustafa, 2013 Amalan P&P berkualiti : Hasil pemantauan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran, Karya Dagang Prosiding Seminar Penyelidikan Peringkat Zon Timur Politeknik Malaysia, 317 – 324.

[https://www.academia.edu/34940919/AMALAN\\_P\\_and\\_P\\_BERKUALITI\\_HASIL\\_PEMA\\_NTAUAN\\_PELAKSANAAN\\_PROSES\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_PEN\\_SYARAH](https://www.academia.edu/34940919/AMALAN_P_and_P_BERKUALITI_HASIL_PEMA_NTAUAN_PELAKSANAAN_PROSES_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_PEN_SYARAH)Dipetik pada : 25 Mei 2023

John, P. D. & Wheeler, S. (2008). The Digital Classroom Harnessing Technology For The Future. Oxon :Routledge.

[https://www.researchgate.net/publication/287282673\\_The\\_Digital\\_Classroom\\_Harnessing\\_Technology\\_for\\_the\\_Future\\_of\\_Learning\\_and\\_Teaching](https://www.researchgate.net/publication/287282673_The_Digital_Classroom_Harnessing_Technology_for_the_Future_of_Learning_and_Teaching) Dipetik pada : 25 Mei 2023

Mohamed Hamdan, Zamri, Amin Zakuan, 2022 : Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah politeknik , ditinjau dari perspektif pensyarah pemantau dan pelajar, Journal of Education and Social Sciences, Vol.20, Issue 1.

[https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2022/06/JESOC20\\_209.pdf](https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2022/06/JESOC20_209.pdf) Dipetik pada : 25 Mei 2023

Abd. Ghani, F. & Mohd Arshad, Z. (2010). Profil tret personaliti pensyarah yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sistem penilaian pengajaran pensyarah (PPP). Retrieved from

[http://eprints.utm.my/id/eprint/10603/1/PROFIL\\_TRET\\_PERSONALITI\\_PENSYARAH\\_YANG\\_CEMERLANG\\_DALAM\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_BERDASARKAN\\_SISTEM\\_PENILAIAN.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10603/1/PROFIL_TRET_PERSONALITI_PENSYARAH_YANG_CEMERLANG_DALAM_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_BERDASARKAN_SISTEM_PENILAIAN.pdf) Dipetik pada : 25 Mei 2023

Afandi, M. Chamalah, E & Wardani, O.P (2013). Model dan metode pembelajaran di sekolah. UNISSULA Press : Semarang. Dipetik pada : 25 Mei 2023

Jasmi, K. A., Ibrahim, N. & Ilias, M. F. (2012). Gaya Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012), 211-223. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/293097722\\_Gaya\\_Pengajaran\\_Guru\\_dalam\\_Pengajaran\\_dan\\_Pembelajaran\\_Pendidikan\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/293097722_Gaya_Pengajaran_Guru_dalam_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Pendidikan_Islam). Dipetik pada: 21 Mei 2023

Marzuki, S. (2005). Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah di Malaysia. Retrieved from <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/shahrilUM.pdf> Dipetik : 21 Mei 2023

Tamuri, A. H. & Haji Nor, S. M. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan, 3(2), 28–42. [https://www.researchgate.net/publication/293097481\\_Pembelajaran\\_Aktif\\_dalam\\_Pendidikan\\_Islam\\_Pengamalan\\_Guru\\_Cemerlang\\_Pendidikan\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/293097481_Pembelajaran_Aktif_dalam_Pendidikan_Islam_Pengamalan_Guru_Cemerlang_Pendidikan_Islam) Dipetik pada: 21 Mei 2023

Tang, S. M. & Lim, K. T. (2002). Hubungan Antara Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Dengan Kepuasan Pelajar: Satu Tinjauan. Retrieved from [http://repo.uum.edu.my/427/1/Tang\\_Swee\\_Mei.pdf](http://repo.uum.edu.my/427/1/Tang_Swee_Mei.pdf) Dipetik pada : 21 Mei 2023

Ishak, R., A.Ghani, M. F. & Siraj, S. (2013). Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 1(2), 52–60. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/7954> Dipetik pada : 23 Mei 2023

Rosmilawati Ab. Rahman (2006). Penilaian Pengajaran Terhadap Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dalam Program Latihan Mengajar Di Sekolah Menengah Teknik. Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Tesis Sarjana Pendidikan.  
[https://www.researchgate.net/publication/346420436\\_PENGARUH\\_KUALITI\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_TERHADAP\\_KEPUASAN\\_BELAJAR\\_PELAJAR\\_KOLEJ-KOLEJ\\_SWASTA\\_DI\\_SABAH](https://www.researchgate.net/publication/346420436_PENGARUH_KUALITI_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_TERHADAP_KEPUASAN_BELAJAR_PELAJAR_KOLEJ-KOLEJ_SWASTA_DI_SABAH) Dipetik pada : 25 Mei 2023

Hariatul Hafidzah Mahmad Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman, Muhammad Azhar Zailaini, 2021, **Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Mata Pelajaran Bahasa Arab Berasaskan Keperluan Pembelajaran Murid**, Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Bil. 8, Isu 2, Universiti Malaya.

Ee Ah Meng (2001).Pedagogi II – Edisi Ke-2. Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd

Haslinda Binti Jama'in,,Munirah Binti Yahya, 2017, **Peranan Pensyarah Untuk Mewujudkan Komunikasi Berkesan dalam Sesi Pengajaran dan Pembelajaran**, Kolej Komuniti Mas Gading.